

KAEDAH PEMBELAJARAN AL-QUR'AN UNTUK KANAK-KANAK

Mohd Shabri Yusof* & Mohd Nazri Ahmad

Universiti Kebangsaan Malaysia

*msy@ukm.edu.my**

ABSTRACT

The learning of the Qur'an to children is a legacy that Muslims have inherited since time immemorial, beginning at the time of the revelation of the Qur'an. This can be seen in various hadith texts, narrations of the companions and the next generation either through the works of history books, educational curriculum, Qur'anic study programs and others that show the continuity of Qur'anic learning to children since time immemorial. Then to this day. Due to the development of Islam which spans the diversity of races, ethnicities, geographies and others, Qur'anic scholars often devise and study methods that are seen to be effective in teaching the Qur'an to children. Everything aims to help children to master how to read the Qur'an according to the reading style narrated from Rasulullah s.a.w. This article aims to identify the various methods of teaching the Qur'an to children that have been recorded in various academic studies and other sources of information that can be an added value to other Qur'an teachers. This study is a qualitative study that uses research analysis based on article sources, scientific journals. The results of the study found that the methods of learning the Qur'an are all aimed at helping children master the basics of education that is to know, understand and remember by diversifying the methods of training and repetition. In addition, the results of the study also found that this method is still relevant if applied in the method of teaching the Qur'an to children at this time.

Keywords: Learning methods, diversity, added value

ABSTRAK

Pembelajaran al-Qur'an kepada kanak-kanak adalah merupakan warisan yang umat Islam warisi sejak berzaman lamanya bermula pada waktu penurunan al-Qur'an lagi. Ini dapat dilihat dalam pelbagai nas hadith, riwayat para sahabat dan generasi selepasnya sama ada melalui karya-karya kitab sejarah, kurikulum Pendidikan dan program-program pengajian al-Qur'an yang menunjukkan kesinambungan pembelajaran al-Qur'an kepada kanak-kanak sejak zaman dahulu hingga ke hari ini. Oleh kerana perkembangan agama Islam yang merentasi kepelbagaian bangsa, keturunan dan geografi, para ilmuan al-Qur'an sering merangka dan mengkaji kaedah yang dilihat berkesan dalam pengajaran al-Qur'an kepada kanak-kanak. Semuanya bertujuan membantu kanak-kanak untuk menguasai cara membaca al-Qur'an mengikut gaya bacaan yang diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. Artikel ini bertujuan mengenalpasti kepelbagaian kaedah pengajaran al-Qur'an kepada kanak-kanak yang telah rekodkan di dalam pelbagai kajian akademik dan sumber maklumat yang lain yang boleh menjadi nilai tambah kepada guru-guru al-Qur'an yang lain. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan analisis kajian berdasarkan sumber artikel, jurnal ilmiah dan kajian-kajian ilmiah. Hasil kajian mendapati kaedah pembelajaran al-Qur'an kesemuanya bertujuan membantu kanak-kanak menguasai asas dalam pendidikan iaitu kenal, faham dan ingat dengan mempelbagaikan kaedah latihan dan pengulangan. Selain itu, hasil kajian juga mendapati kaedah-kaedah ini juga dilihat masih relevan jika diaplikasikan di dalam kaedah pengajaran al-Qur'an kepada kanak-kanak pada masa ini.

Kata Kunci: Kaedah pembelajaran, kepelbagaian, nilai tambah

PENGENALAN

Dalam kehidupan manusia ini, ada perkara yang menjadi sebab manusia seringkali lalai dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab dan tertarik dengan kenikmatan dunia. Antaranya ialah keluarga meliputi isteri dan anak-anak. Keluarga merupakan satu amanah dan tanggungjawab dan bukannya sekadar hiburan semata-mata. Anak-anak adalah anugerah yang bernalih dari Allah SWT kepada ibu bapanya. Mereka membesar dengan sihat dan ceria yang menceriakan dan menggembirakan suasana sehingga ibu bapa seringkali terleka untuk memberikan mereka pendidikan yang seimbang antara rohani, jasmani dan emosi. Allah SWT berfirman di dalam al-Qur'an:

يَأَيُّهَا الْذِينَ إِمَانُوا قُوَّاْ أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيْكُمْ نَارٌۚ وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلِئَكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌۚ لَا يَعْصُوْنَ اللَّهَ مَا أَمْرُهُمْ وَيَقْعُلُونَ مَا يُؤْمِرُونَ

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, keras, dan tidak menderhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.”

(Al-Qur'an: Al-Tahrim 66: 6)

Pembelajaran al-Qur'an sangat penting bagi setiap kelompok masyarakat terutamanya pada fasa awal kanak-kanak. Orang ramai sering beranggapan bahawa pada fasa ini amat tidak sesuai untuk mengajarkan kepada mereka tentang al-Qur'an kerana menurut mereka kanak-kanak ketika itu masih tidak dapat membezakan antara yang baik dan buruk. Mereka menyatakan bahawa kanak-kanak akan merosakkan al-Qur'an kerana ketika waktu ini mereka lebih suka bermain daripada belajar.

Anggapan dan pemikiran seperti ini perlu diubah oleh setiap masyarakat kerana pada fasa awal kanak-kanak adalah waktu yang paling sesuai untuk mereka mempelajari tentang al-Qur'an. Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan beberapa kajian, pada fasa inilah perkembangan otak berlaku sebanyak 80% (Icam Sutisna 2020). Pada fasa ini jugak berlakunya perkembangan yang pesat dari segi intelek, jasmani dan rohani serta mereka akan sentiasa mempelajari dan menjiwai perkara yang berlaku di sekeliling mereka. Justeru, pengajaran al-Qur'an amatlah sesuai pada fasa awal kanak-kanak memandangkan mereka akan lebih mudah dan cepat dalam mempelajari dan memahami al-Qur'an.

DEFINISI KAEADAH PENGAJARAN AL-QUR'AN UNTUK KANAK-KANAK

Guru atau tenaga pengajar adalah satu bidang yang amat penting kerana mereka yang bertanggungjawab dalam membentuk sahsiah dan keperibadian seseorang. Mereka bertanggungjawab dalam memberi pengajaran bagi menambahkan ilmu yang bermanfaat kepada masyarakat. Pengajaran ini juga boleh dikategorikan kepada dua keadaan iaitu secara formal dan tidak formal. Pengajaran yang berkesan adalah bermula daripada kaedah dan teknik yang betul. Pemilihan dalam menentukan kaedah dan teknik yang betul adalah penting bagi memastikan ilmu yang diajar dapat diterima dengan baik.

Menurut Kamus Dewan, kaedah bermaksud cara atau peraturan membuat sesuatu terutamanya cara yang bersistem atau biasa (Anon T.th.). Al-Syaibani pula berpendapat bahawa konsep kaedah pengajaran yang baik ialah kaedah yang dapat membantu pelajar memperoleh ilmu

pengetahuan, kemahiran dan mengubah sikap serta tingkah laku, menanam minat dan nilai yang diingini (Noor Azlinda Abdullah 2012).

Mok Soon Seng telah menyatakan dalam artikelnya mengenai definisi kaedah dan pendekatan iaitu kaedah satu siri tindakan yang sistematik dengan tujuan mencapai objektif pelajaran dalam jangka masa pendek dan kaedah mengajar pula didefinisikan sebagai cara mendekati sesuatu objektif pelajaran dengan langkah penyampaian yang tersusun. Manakala pendekatan didefinisikan sebagai cara yang digunakan bagi mengajar suatu mata pelajaran berdasarkan objektifnya (Anon T.th.). Abu Saleh menyatakan maksud kaedah dalam artikelnya iaitu satu aktiviti pengajaran yang mengandungi langkah-langkah yang tersusun dan dalam setiap langkah itu pula mempunyai kemahiran dan latihan yang terancang. Beliau juga menyatakan bahawa kaedah mengajar ini bukanlah tujuan yang utama, tetapi ianya wasilah untuk mencapai objektif pengajaran (Noor Azlinda Abdullah 2012).

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa pemilihan terhadap kaedah untuk mengajar seseorang amatlah penting bagi mencapai matlamat asas dalam memahami ilmu tersebut. Ini juga termasuk dalam menentukan kaedah yang terbaik dalam mengajar kanak-kanak tentang al-Qur'an bagi memudahkan mereka mempelajari dan memahami apa yang dipelajari oleh mereka.

KAEDAH PENGAJARAN AL-QUR'AN PADA ZAMAN RASULULLAH SAW DAN PARA SAHABAT

Pengajaran al-Qur'an bermula untuk kali pertamanya ketika penurunan wahyu melalui Malaikat Jibril a.s kepada Nabi Muhammad s.a.w di Gua Hira'. Bermula detik itu, Nabi Muhammad s.a.w dilantik oleh Allah S.W.T sebagai rasul secara rasminya. Ini berdasarkan hadith:

عن جابر بن عبد الله الأنصاري قال وهو يحدث عن فترة الوحي فقال في حديثه: بينما أنا أمشي إذ سمعت صوتا من السماء فرقت بصرى، فإذا الملك الذي جاءني بحراً جالس على كرسى بين السماء والأرض فرعبت منه فقلت: زملوني! زملوني! فأنزل الله تعالى: يأيها المدثر. قم فأندر. إلى قوله والرجز فاهجر. فهمي الوحي وتابع.

Maksudnya: *Daripada Jabir bin 'Abdullah al-Ansariy menceritakan: Rasulullah s.a.w menceritakan tentang detik-detik penurunan wahyu Baginda berkata dalam satu hadithnya: Ketika aku berjalan, tiba-tiba aku terdengar suara daripada langit lalu aku memandang ke atas, tiba-tiba malaikat yang datang di Gua Hira' dahulu sedang duduk di atas kursi antara langit dan bumi, aku takut dengannya lalu aku berkata: "selimutlah aku! Selimutlah aku! lalu Allah Ta'ala menurunkan ayat: "Hai orang yang berkemul (berselimut), bangunlah, lalu berilah peringatan". Hingga ke ayat: "Dan perbuatan dosa tinggalkanlah". Selepas itu wahyu turun dengan banyaknya dan berturut-turut.*

(Al-Bukhariy.2014.Kitab Bad'u al-Wahyu.1: 6: 4)

Menurut al-Buti (1991), bermula dengan perutusan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w ini, maka bermulalah pendidikan yang bersumberkan wahyu.

Nabi Muhammad s.a.w menerima bacaan al-Qur'an daripada Malaikat Jibril a.s secara berdepan-depan. Baginda s.a.w bukan sahaja mempelajari cara bacaan daripada Malaikat Jibril a.s, Baginda s.a.w turut menghafaz ayat-ayat tersebut dengan tujuan agar ia dapat difahami dan

diamalkan semasa proses dakwah Baginda s.a.w. Apabila wahyu turun kepadanya, Baginda s.a.w cepat-cepat ingin menghafaznya sehingga Baginda s.a.w tidak henti-henti menggerakkan lidah dan bibirnya. Allah S.W.T menegur perbuatan Baginda s.a.w itu dengan memberi jaminan bahawa Allah S.W.T akan memelihara hatinya agar dapat mengingati ayat-ayat al-Qur'an.

Firman Allah SWT:

لَا تُحِبِّكَ يَهُدِّي لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعُهُ، وَقُرْءَانُهُ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُ.

Maksudnya: *Janganlah engkau (wahai Muhammad) - Kerana hendakkan cepat menghafaz Quran yang diturunkan kepadamu - menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu) (16) Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan Al-Qur'an itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu) (17) Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu. (18)*

(Al-Qur'an: al-Qiyamah, 75:16-18)

Ketika Jibril a.s menurunkan wahyu dan membacanya kepada Nabi s.a.w, Baginda agak tergopoh sedikit untuk mengikuti bacaannya sebelum Jibril a.s selesai membacanya. Lalu Allah melarangnya berbuat demikian. Ini dapat dilihat dalam firman Allah Ta'ala:

وَلَا تَعْجَلْ بِالْقُرْءَانِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يُفْضِيَ إِلَيْكَ وَحْيُهُ.

Maksudnya: *Dan janganlah kamu tergesa-gesa membaca Al Qur'an sebelum disempurnakan mewahyukannya kepadamu.*

(Taha: 20: 114)

Kemudian Allah ta'ala menjamin Baginda s.a.w menghafal, membaca dan mengumpulkan di dalam dadanya. Dalam ayat ini menjelaskan tentang adab menuntut ilmu iaitu pelajar tidak boleh mendesak guru sebelum selesai membincangkan sesuatu masalah, apabila guru selesai dalam perbincangannya baru pelajar boleh mengemukakan soalan. (Al-Sa'diy. 1436h/ 2015m. 860).

Berdasarkan ayat ini, jelas menunjukkan bahawa Allah S.W.T membimbing Rasul-Nya tentang kaedah yang terbaik untuk mempelajari al-Qur'an. Pada peringkat awal, Malaikat Jibril a.s sebagai guru akan membacakan ayat kepada Nabi Muhammad s.a.w. Manakala Baginda s.a.w sebagai murid perlu mendengar dengan teliti, memerhatikan bacaan dan sebutan huruf makhrajnya dengan betul. Melalui proses ini, Baginda s.a.w tidak akan tergopoh-gapah untuk menghabiskan bacaan dahulu (al-Buti 1991).

Baginda s.a.w akan bertalaqqi al-Qur'an dengan Jibrail a.s pada setiap malam di bulan Ramadan. Ini berdasarkan hadith:

عن ابن عباس قال: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ أَجْوَدُ النَّاسِ. وَكَانَ أَجْوَدُ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ حِينَ يَلْقَاهُ جَبَرِيلُ. وَكَانَ يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ فِي دَارِسِهِ الْقُرْآنَ فَلَرَسُولُ اللَّهِ أَجْوَدُ بِالْخَيْرِ مِنَ الرَّبِيعِ الْمَرْسَلَةِ.

Maksudnya: *Daripada Ibn 'Abbas r.a berkata: Rasulullah s.a.w adalah orang yang paling pemurah. Baginda akan jadi lebih pemurah dalam bulan Ramadan ketika Jibril datang bertemu. Jibril akan bertemu Baginda setiap malam bulan Ramadan lalu bertadarus al-Qur'an dengannya. Rasulullah s.a.w lebih cepat dalam kebaikan melebihi tiupan angin.*

(Al-Bukhari. 2014. Kitab Bad'u al-Wahy, 1: 7: 6)

Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Sharifah Norshah, Nor Salimah dan Zulkifli A. Manaf (2011, 53-70), Nabi Muhammad SAW mengajar al-Qur'an kepada para sahabat dengan kaedah pengajaran yang sama seperti mana yang diterima oleh Baginda s.a.w daripada Malaikat Jibril a.s. iaitulah secara *Talaqqi* dan *Musyafahah*. Perkataan *Talaqqi* berasal daripada kata dasar "laqya" atau "liqo" yang bermaksud bertemu atau pertemuan. Dalam konteks pembelajaran al-Qur'an, perkataan ini bermaksud pertemuan antara murid dan guru secara berhadapan manakala kalimah *Musyafahah* pula berasal daripada kata dasar *syafaha* yang bermaksud bibir iaitu satu proses pemindahan ilmu berkaitan pembacaan al-Qur'an dari mulut seorang guru kepada mulut seorang murid (Nurul Huda, et.al 2019: 29).

Peranan Nabi Muhammad s.a.w sebagai seorang rasul dan murobbi kepada para sahabat mendorong Baginda s.a.w untuk menyusun kaedah pembelajaran dan pengajaran al-Qur'an dengan lebih bersistematis dengan menambah tiga lagi kaedah pengajaran al-Qur'an iaitulah tasmi', muraja'ah dan tadarrus al-Qur'an. Rasulullah s.a.w telah memulakan institusi pendidikannya di rumah al-Arqam bin al-Arqam di Makkah yang terdiri daripada sahabat-sahabat nabi yang rapat dengan Baginda s.a.w termasuk keluarga Baginda sendiri, seperti isteri Baginda Rasulullah s.a.w kemudian berkembang menjadi 38 orang yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan peringkat umur (al-Buti 1991).

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an, Nabi Muhammad s.a.w amat menitikberatkan beberapa elemen tarbiah. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Sharifah Norshah, Nor Salimah dan Zulkifli A. Manaf (2011, 53-70), elemen tarbiah ini diserap ambil daripada Surah Ali Imran ayat 164.

لَقَدْ مِنْ أَنْجَلَهُمْ عَلَى الْأَنْفُسِ مِنْ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِنْ أَنفُسِهِمْ يَتَّلَوُ عَلَيْهِمْ وَبِزَكَرِهِمْ وَبِعِلْمِهِمُ الْكِتَابُ
وَالْحِكْمَةُ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلِ لَغْيٍ ضَلَّلُ مُؤْمِنِينَ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (*rahmatNya*) kepada orang-orang yang beriman, setelah Ia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan Al-Qur'an yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari *iktiqad* yang sesat), serta mengajar mereka Kitab Allah (Al-Qur'an) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum Syariat). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.

(Al-Qur'an: Ali Imran, 3:164)

KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QUR'AN UNTUK KANAK-KANAK

Kaedah Baghdadiyyah

Pengajaran al-Qur'an melalui kaedah Baghdadiyyah adalah berdasarkan buku Muqaddam yang bermatlamatkan kepada pembinaan kemampuan untuk membaca al-Qur'an. Kaedah ini telah memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat Melayu Islam tradisional. Buku Muqaddam yang digunakan bagi menjalankan kaedah ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama diperkenalkan huruf hijaiyyah, huruf-huruf bersambung dan berbaris. Bahagian kedua ialah susunan ayat-ayat al-Qur'an juzuk ke-30.

Pengajaran yang berpandukan kaedah Baghdadiyyah dimulai dengan mengenal huruf-huruf hijaiyyah, diikuti dengan huruf bersambung dan berbaris. Apabila selesai mengenal kedua-

dua bentuk huruf ini, barulah dipindahkan membaca al-Qur'an. Ianya bermula dari surah al-Fatihah, surah al-Nas sehingga surah al-Naba'. Pembelajaran al-Qur'an melalui kaedah ini ada tiga peringkat, iaitu: Peringkat pertama ialah pembacaan secara umum. Pada peringkat ini guru ditugaskan mengajar cara membaca al-Qur'an dengan betul serta memberi penekanan kepada tajwid. Kemampuan membaca juga dibina berdasarkan asas yang telah dibina dalam mengenal huruf dan baris. Peringkat kedua ialah bacaan ulangan yang lebih menekankan kepada pembacaan secara kaedah tajwid dan sebutan yang lebih baik dan mantap. Peringkat ketiga pula ialah pembacaan secara berirama dan berlagu. Walaupun kaedah ini telah melahirkan ramai masyarakat Melayu Islam yang boleh membaca al-Qur'an dengan baik, namun kaedah ini mempunyai beberapa kelemahan tersendiri iaitu: Kaedah mengenal huruf hijaiyyah, huruf bersambung dan berbaris yang terdapat dalam buku Muqaddam agak ketinggalan dan tidak sesuai dengan kaedah mempelajari bahasa untuk masa sekarang. Kaedah ini hanya menekankan satu aspek sahaja dari al-Qur'an iaitu membaca, sedangkan aspek penulisan, hafalan dan kefahaman tidak diambil kira. Susunan ayat-ayat al-Qur'an yang songsang boleh mengelirukan pelajar di peringkat permulaan serta melahirkan anggapan susunan al-Qur'an sememangnya begitu. Secara tidak langsung ini boleh memberi kesan kepada penyusunan bacaan dalam sembahyang. Kemampuan pelajar dalam membaca pula terbatas kepada jenis al-Qur'an yang biasa digunakan sahaja dan agak susah membaca jika diberikan al-Qur'an yang tidak biasa dengannya. Keempat-empat kelemahan ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada kanak-kanak yang sedang mempelajari al-Qur'an.

Kaedah Iqra'

Seterusnya muncul pula kaedah baru seperti kaedah Iqra' yang berasal dari Indonesia dan diasaskan oleh Ustaz H. As'ad Humam. Beliau adalah salah seorang pengasas Team Tadarrus Angkatan Muda Masjid dan Musalla dan ahli Lembaga Pengembangan Tilawah Quran Peringkat Kebangsaan di Yogyakarta, Indonesia. Kebolehan beliau dalam mengajar membaca al-Qur'an dengan menggunakan pelbagai kaedah bermula sejak 1950 lagi. Berdasarkan kaedah pembelajaran al-Qur'an yang selama ini digunakan, masih banyak kelemahan dan kurang berkesan serta di atas permintaan ramai, maka beliau menyusun buku IQRA' (Cara Cepat Membaca al-Qur'an). Kaedah Iqra' disusun secara lengkap, sempurna serta bersepada dengan huruf yang seimbang. Ia dimulai dengan pembelajaran asas, dengan rangkaian huruf-huruf hingga ke peringkat suatu ayat yang bermakna. Kaedah Iqra' ini terkandung dalam 6 jilid dan dapat membantu pelbagai peringkat umur dalam mempelajari al-Qur'an. Perkara penting dalam kaedah Iqra' ini ialah latih tubi sebutan huruf dan ayat agar kemahiran membaca al-Qur'an dapat dikuasai. (Muhd Mukri. 1994)

Perlaksanaan kaedah Iqra' ini di sekolah-sekolah menurut Muhd Mukri (1994) kerana: Pertama, pengajaran dan pembelajaran guru dalam tilawah al-Qur'an tidak menggunakan kaedah tertentu. Kaedah yang digunakan hanya warisan generasi terdahulu atau kaedah Baghdadiyyah. Kedua, kaedah Baghdadiyyah yang digunakan memakan masa kerana guru memperkenalkan huruf, baris, menjeja dan menyebutnya. Ketiga, pelajar menghadapi masalah mengenal, menjeja dan menyebut huruf-huruf kerana tidak mempunyai kemahiran tersebut. Keempat, kaedah Iqra' merupakan satu daripada beberapa kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an dan bukan sukatan pelajaran serta tidak merubah sukatan pelajaran. Kelima, berdasarkan percubaan yang dijalankan didapati pelajar boleh menguasai dengan cepat dan berkesan dalam bacaan al-Qur'an. Keenam, pelajar yang mengikuti kaedah ini di Indonesia telah mampu menguasai pembacaan al-Qur'an.

Menurut Muhd Mukri (1994) lagi, antara ciri-ciri yang terdapat dalam kaedah Iqra' ialah pertama, bacaan terus (tanpa dianalisis dan dieja). Pelajar tidak diperkenalkan terlebih dahulu

nama-nama huruf hijaiyyah dan tanda-tanda bacaan, tetapi terus diperkenalkan bagi satu-satu huruf dengan menggunakan pengajaran. Kedua, penggunaan teks tertentu. Pengajaran dan pembelajaran menggunakan satu set buku yang mengandungi enam naskhah. Pelajar menggunakan tahap-tahapnya bermula dari buku pertama. Ketiga, teknik pengajaran Cara Belajar Pelajar Aktif (CBMA). Pengajaran dimulakan dengan cara guru menerangkan pengajaran beberapa kali dan apabila pelajar sudah jelas, maka pelajar disuruh membaca sendiri. Keempat, talaqqi musyafahah. Semasa mempelajari al-Qur'an pelajar mesti berdepan secara langsung dengan gurunya, agar pelajar mengetahui dengan tepat bagaimana makhraj dan sifat-sifat huruf yang sebenar. Kelima, tahap berdasarkan pencapaian individu. Tahap pencapaian pelajar dalam bacaan adalah bergantung kepada kecekapan individu dan peranan yang diusahakan oleh gurunya. Keenam, praktis. Tujuan kaedah Iqra' dibentuk supaya pelajar dapat membaca al-Qur'an dengan cepat dan mudah. Manakala ilmu tajwid hanya akan diajar setelah pelajar berupaya untuk bertadarrus al-Qur'an. Istilah tajwid tidak diajar dalam kaedah Iqra', tetapi ketepatan sebutan makhraj ditekankan semasa pembacaan. Ketujuh, sistematik. Bahan pengajaran disusun lengkap, terancang dan terarah dari pelajaran asas dan sederhana hingga ke tahap satu kalimah yang bermakna.

Kaedah Hattawiyyah

Teknik yang digunakan dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan bagi kajian ini ialah dengan menggunakan pendekatan Hattawiyyah, iaitu teknik yang bertujuan untuk memudahkan pelajar dapat membaca al-Qur'an serta menghafalnya. Teknik Hattawiyyah telah berkembang di wilayah Riau, Indonesia yang diasaskan oleh Dr. Mohd Hatta Osman yang merupakan seorang pegawai Jabatan Agama Tempatan di sana. Teknik ini mula diasaskan bagi membebaskan buta huruf al-Qur'an dalam kalangan kanak-kanak di sana. Tempoh yang diambil untuk seseorang itu dapat membaca al-Qur'an dan menghafalnya adalah selama empat atau lima jam sahaja, atau enam kali belajar. Teknik ini sangat sesuai, ringkas dan praktikal untuk dilaksanakan bagi mengurangkan masalah ketidakmampuan pelajar membaca al-Qur'an, tetapi dengan syarat mereka sudah lancar membaca rumi. Teknik ini mula berkembang di Malaysia secara meluas melalui guru-guru dari Indonesia yang terlibat dalam bidang pengajaran al-Qur'an. Ia juga dikembangkan oleh pelajar Malaysia yang belajar di Indonesia (Adel M. Abdul Aziz 2006). Teknik ini iaitu dengan guru memperkenalkan bentuk-bentuk huruf hijaiyyah kepada huruf latin, seperti huruf mim kepada 'M', huruf ta' kepada 'T', huruf kaf kepada 'K' dan seterusnya. Manakala dalam bentuk perkataannya seperti 'الله الحمد' kepada 'Alhamdulillah', 'ربنا' kepada 'Rabbana' dan seterusnya. Walaupun begitu, teknik ini sangat memerlukan bimbingan yang berterusan agar pelajar tidak terpesong ketika membaca al-Qur'an apabila ayat-ayat al-Qur'an yang mengandungi tanwin, sabdu dan panjang pendek.

KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QUR'AN

Berkaitan kaedah pengajaran, menurut Mohd Yusuf (2000), Ahmad (1997), Sharifah (1984) dan Hasan (1981) berpendapat kaedah ialah satu siri tindakan yang sistematis yang bertujuan untuk mencapai objektif pelajaran dengan langkah dan penyampaian yang tersusun. Antara kaedah yang digunakan semasa pengajaran Tilawah al-Qur'an ialah *talaqqi* dan *musyafahah* (Mohd Yusuf, 2000). Tegasnya, apa saja cara yang guru Pendidikan Islam lakukan untuk memberi kefahaman kepada pelajar bagi mencapai objektif pengajaran Tilawah al-Qur'an, maka ia adalah kaedah. Al-Kailany *et.al.* (1986) memperincikan panduan kepada guru sebelum mengaplikasi sesuatu kaedah pengajaran, antaranya ialah kaedah mestilah sesuai dengan tujuan dan matlamat mata pelajaran yang diajar, kaedah hendaklah sesuai dengan tabiat (*nature*) pelajaran yang diajar, kaedah mestilah

sepadan dan setara dengan umur pelajar, kaedah mestilah mampu dilaksanakan oleh guru, masa yang mencukupi untuk mengaplikasikan kaedah berkenaan dan kaedah yang dipilih mestilah sesuai dengan kemudahan yang ada. Al-Nashmy (1980) mencadangkan agar guru memilih kaedah yang boleh memberi kesan yang mendalam bukan sahaja kepada kefahaman pelajar yang diajar, malah memberi kesan kepada jiwa dan menyentuh perasaan pelajar. Dengan cara ini pelajar akan memberi tumpuan dan dapat mengingat pelajaran dengan cepat dan bertahan lebih lama. Ishak (1985) dan Abdul Qadir (1998) mengemukakan berkaitan kaedah pengajaran bacaan al-Qur'an yang berkesan iaitu berdasarkan empat kaedah berikut:

1. *Al-Tahqiq*, iaitu bacaan yang tenang dan tidak tergopoh gapah yang bertujuan untuk mengajar dan menghayati kandungan dan hukum-hukum bacaan Al-Qur'an.
2. *Al-Tartil* iaitu bacaan yang tenang dan tidak tergopoh-gapah dan bukan untuk tujuan mengajar. Bacaan ini dilakukan untuk menghayati kandungan al-Qur'an.
3. *Al-Tadwir* iaitu bacaan yang sederhana dan tidak terlalu cepat serta mengawasi hukum tajwid.
4. *Al-Hadar* iaitu bacaan cepat serta mengawasi segala hukum tajwid.

Walau bagaimanapun kaedah pengajaran bacaan Tilawah al-Qur'an hendaklah memberi penekanan kepada kesalahan bacaan al-Qur'an (Abduk Qadir 1998) yang terdiri dari kesalahan *lahnu al-jali* dan *lahnu al-khafi*.

TEKNIK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QUR'AN

Teknik menurut Ahmad (1997) ialah kemahiran dan perlakuan guru dalam pengelolaan dan pelaksanaan kaedah mengajar dalam sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Teknik adalah unit-unit kecil yang terkandung dalam sesuatu kaedah. Contohnya teknik dalam pengajaran guru ialah teknik tunjuk cara, teknik menghafal dan latih tubi, teknik berosoal jawab dan teknik bersyarah. Dengan pelbagai teknik pengajaran ini, guru dapat menggunakan dalam pengajaran Tilawah al-Qur'an. Oleh itu, guru Pendidikan Islam hendaklah mengambil kira teknik pengajaran yang sesuai agar wujudnya pengajaran berkesan dan pembelajaran berkualiti. Manakala Azman (1986) mengatakan teknik ialah apa yang dilihat dalam bilik darjah. Sekiranya guru mengajar bahasa dengan menggunakan alat-alat komunikasi yang canggih dalam makmal bahasa, maka ia satu teknik. Begitu juga sekiranya seorang guru Pendidikan Islam mengajar Tilawah al-Qur'an dengan menggunakan perisian komputer untuk memperdengarkan bacaan, maka ia dikatakan teknik. Kesimpulannya kesepaduan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik akan meningkatkan lagi kualiti proses pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Qur'an. Kesepaduan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik dalam menjayakan pengajaran Tilawah al-Qur'an yang berkesan.

Selain itu, mengaji al-Qur'an secara dalam talian menggunakan kaedah yang interaktif mempunyai tarikan tersendiri bagi menggalakkan kanak-kanak menguasai dan meningkatkan kemahiran bacaan berkenaan. Kaedah pembelajaran itu membolehkan kanak-kanak berinteraksi dengan guru agama masing-masing untuk menguasai bacaan al-Qur'an dan tidak ketinggalan terutama ketika pengajaran bersemuka belum dilaksanakan sepenuhnya berikutan situasi pandemik COVID-19 yang masih belum reda. Penyelia KAFA di Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI), Fatimah Suhaily Zaini Rijal, berkata, kaedah pengajaran al-Qur'an secara dalam talian banyak diperkenalkan seperti al-Baghdadi, teknik kad imbasan atau aplikasi interaktif lain dapat membantu anak-anak menguasai kemahiran mengaji. Katanya, melalui paparan, latih tubi dan bacaan interaktif dapat memudahkan anak-anak mempelajari dan mengulang kaji pembelajaran al-Qur'an di rumah. Kaedah berkenaan sebenarnya tidak menggugat pelaksanaan

kelas mengaji secara bersemuka yang sudah menjadi kelaziman ibu bapa menghantar anak untuk mendapatkan ilmu teknik membaca al-Qur'an atau mengaji dengan asatizah bertauliah.

Jika situasi semasa COVID-19 semakin diyakini, belajar al-Qur'an sama ada di masjid, surau atau kelas agama persendirian, selain Sekolah Kelas al-Qur'an dan Fardu Ain (KAFA), pembelajaran mengaji boleh diteruskan tanpa ragu sebagai memenuhi kewajipan umat Islam menuntut ilmu. Beliau berkata, bagi meningkatkan kemahiran membaca al-Qur'an, ibu bapa perlu memainkan peranan penting dengan membaca bersama-sama anak selepas solat atau memperuntukkan masa sekurang-kurangnya 30 minit bagi mengenal huruf pada Iqra. Banyak kaedah mengajar al-Qur'an yang sering digunakan seperti *Talaqqi Musyafahah*, *Tasmī'* (peringkat sekolah), *Tadarrus* (biasanya di masjid atau surau), *Tikrar* (kaedah latih tubi), *Imlā'i*, *Baghdadiyyah*, *Iqra'*, *Qira'ati* dan *Hattawiyah*. Pelbagai teknik boleh digunakan oleh ibu bapa sebagai inisiatif menggalakkan anak mempelajari bacaan al-Qur'an seperti pembelajaran dalam talian.

DALIL BERKAITAN PEMBELAJARAN AL-QUR'AN

Rasulullah SAW merupakan satu contoh ikutan dalam mempelajari kaedah pengajaran al-Qur'an. Hal ini dapat kita lihat dengan jelas apabila turunnya wahyu yang pertama iaitu surah al-'Alaq ayat 1-5 berikut:

أَفْرَأَ يَا سَمِّ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ الْجَنَّاتِ مِنْ عَلَقٍ أَفْرَأَ وَرَبِّكَ الْأَكْرَمُ الَّذِي عَلِمَ بِالْفَلَقِ عَلَمَ الْإِنْسَنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ

Maksudnya: *Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu Yang menciptakan, Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Maha Pemurah, Yang mengajar (manusia) dengan perantaran kalam, Dia mengajar kepada manusia apa yang tidak diketahuinya.*

(Al-Qur'an: al-'Alaq, 96:1-5)

Ayat ini memberikan gambaran dan perintah yang amat jelas berkaitan pendidikan. Pengulangan perkataan *iqra'* (bacalah) yang disebutkan oleh Malaikat Jibril a.s. kepada Rasulullah SAW menegaskan supaya manusia itu belajar, mengkaji dan mencari ilmu. Jika diperhatikan dengan lebih mendalam, ayat ini mengajar dan menyeru orang beriman agar menjadi seorang yang berilmu (Mohd.Yusuf 2002).

Inilah ayat pertama yang diturunkan oleh Allah SWT dan ia merupakan rahmat Allah SWT yang terbesar bagi umat manusia. Pada permulaan ayat dalam surah ini, Allah SWT telah memerintahkan Nabi Muhammad SAW supaya membaca dan memperhatikan bukti kebesaran Allah SWT di muka bumi. Ayat ini jugalah yang telah menjadi landasan terciptanya pendidikan Islam bagi seluruh umat Islam (Syahrul Riza 2008).

Allah SWT juga berfirman dalam surah al-Qiyamah pada ayat yang ke-16 seperti berikut:

لَا تُحِبِّكُ بِهِ لِسَائِقٌ لِتَعْجَلَ بِهِ

Maksudnya: *Janganlah kamu gerakkan lidahmu untuk (membaca) Al Quran kerana hendak cepat-cepat (menguasai)nya.*

(Al-Qur'an: al-Qiyamah, 75:16)

Berdasarkan ayat di atas jelas menunjukkan bimbingan Allah SWT kepada rasul-Nya tentang kaedah mempelajari al-Qur'an melalui Malaikat Jibril a.s. Dalam kaedah pengajaran al-Qur'an pada peringkat awal ini, Jibril a.s bertindak sebagai guru, membacakan kepada Nabi

Muhammad SAW dan Baginda SAW diminta supaya mendengar dan memerhatikan bacaan Jibril a.s. Nabi Muhammad SAW melalui proses bacaan al-Qur'an ini, Baginda SAW tidak tergopoh-gapah dalam bacaan dan hanya mengikuti bacaan al-Qur'an apabila Malaikat Jibril a.s selesai membacanya. Proses ini berlaku apabila keadaan sebelumnya baginda SAW tergopoh-gapah dalam bacaan disebabkan tekanan suasana yang cemas kerana pengalaman yang baru dihadapi dengan kedatangan Malaikat Jibril a.s (al-Buti 1991).

Nabi Muhammad SAW memulakan pengajaran al-Qur'an di rumah Nabi Muhammad SAW dan rumah al-Arqam bin Abi Arqam. Pengajaran al-Qur'an ini seterusnya berkembang ke Madinah sejajar dengan kedatangan rombongan dari Madinah yang datang berjumpa Rasulullah SAW lalu beriman kepada Baginda SAW yang seterusnya memperkembangkan ajaran al-Qur'an di sana. Setelah Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah, pengajaran al-Qur'an berterusan di rumah Baginda SAW dan di Masjid Nabawi. Ramai di kalangan para sahabat yang berguru secara langsung dengan Rasulullah SAW. Mereka mempelajari al-Qur'an dengan menghafaznya daripada Rasulullah SAW sehingga lahirlah kumpulan huffaz yang terkenal, antaranya Abu Bakar, Uthman, 'Ali, Ibn Mas'ud, 'A'ishah dan Hafsah (al-Buti 1991). Tambahan pula, pada peringkat ini para sahabat masih meneruskan kaedah yang dilalui oleh Rasulullah SAW dengan Malaikat Jibril a.s. dalam pengajaran al-Qur'an. Melalui kaedah menghafaz ini telah berjaya melahirkan ramai di kalangan para sahabat yang mampu membaca dan menghafaz al-Qur'an. Secara ringkas terdapat empat langkah pengajaran al-Qur'an di zaman Rasulullah SAW iaitu:

Membaca al-Qur'an dengan betul. Rasulullah SAW membaca al-Qur'an secara *talaqqi-musyafahah* dengan Malaikat Jibril a.s. Maka dengan cara inilah juga Baginda SAW mengajarkannya kepada para sahabat. Menerangkan maksud. Hal ini bertujuan untuk memahami apa yang terkandung di sebalik makna ayat al-Qur'an yang dibaca. Menghafaz. Selain ayat-ayat al-Qur'an ditulis di pelepas-pelepas tamar, tulang dan kulit terdapat juga para sahabat yang menghafaz ayat-ayat al-Qur'an. Mengamalkan ajaran al-Qur'an berdasarkan ajaran yang difahami daripada ayat-ayat yang dihafaz. Berdasarkan perbincangan tentang pengajaran al-Qur'an di zaman Rasulullah SAW, jelas memperlihatkan usaha yang bersungguh-sungguh dan berterusan dilakukan untuk memastikan kelangsungan dalam pengajaran al-Qur'an (Jasmi, K.A. 2013).

Sebagai seorang muslim, kita juga dituntut untuk belajar al-Qur'an dan mengajarkannya bagi sesiapa yang mampu. Nabi Muhammad SAW menyifatkan golongan ini adalah sebaik-baik manusia. Sebagaimana di dalam hadith:

عن عثمان بن عفان رضي الله عنه، عن النبى صلى الله عليه وسلم قال: خيركم من تعلم القرآن وعلمه
Maksudnya: Dari 'Uthman bin 'Affan r.h., bahwasanya Nabi SAW telah bersabda, "Orang yang paling baik di antara kalian adalah seorang yang belajar Al-Qur'an dan mengajarkannya."

(Riwayat Bukhari dalam *Şahih Bukhari*. 5027)

Berdasarkan hadis ini, jelaslah bahawa manusia yang paling mulia disisi Allah SWT adalah seseorang yang mempelajari al-Qur'an dengan sebaik-baiknya dan mengajarkannya kepada orang lain. Tujuan belajar disini bukan hanya sekadar untuk belajar, tetapi juga untuk memahami dan mengamalkan tanpa mengharapkan sebarang balasan (Al-Nawawi 1995).

Pendidikan al-Qur'an merupakan salah satu pendidikan yang penting untuk perkembangan kanak-kanak. Mengajar anak-anak tentang al-Qur'an dapat menanamkan kefahaman yang mendalam terhadap agama Islam. Kemahiran membaca, menghafal dan

memahami maksudnya merupakan kayu ukur kepada kemajuan mereka dalam memahami keseluruhan Islam itu sendiri (Jasmi 2013).

Pendidikan al-Qur'an haruslah dipupuk kepada anak-anak sejak kecil, kerana peringkat usia kanak-kanak merupakan tahap awal pembentukan keperibadian manusia. Jika ibu bapa mengajarkan sesuatu yang baik, maka akan memperolehi hasil yang baik kelak. Begitu juga pengajaran al-Qur'an pada masa itu akan mudah diserap oleh mereka. Pengajaran al-Qur'an pada usia kecil dapat membantu memberikan pengalaman belajar bagi anak-anak dan yang lebih utama adalah berfungsi untuk mengoptimakan perkembangan otak mereka. Imam Suyuti mengatakan bahawa mengajarkan al-Qur'an kepada anak-anak adalah salah satu ajaran penting dalam Islam, sehingga mereka boleh hidup dengan bahagia dan tenang di atas fitrah. Begitu juga dengan cahaya hikmah akan terlebih dahulu masuk ke dalam sanubari mereka, sebelum dikuasai oleh hawa nafsu serta dinodai oleh kemaksiatan dan kesesatan (Hakim 2014). Akhir kata, semoga Allah SWT menjadikan kita hamba-Nya yang mencintai dan mengamalkan bacaan al-Qur'an serta memanfaatkan isinya dengan sebaik mungkin.

MODEL PEMBELAJARAN AL-QUR'AN TERHADAP KANAK-KANAK MENURUT PERSPEKTIF ILMUAN ISLAM

Al-Qur'an berfungsi sebagai rahmat kepada sekalian manusia. Ia bukan sahaja sesuai dipraktikkan oleh golongan dewasa malah sesuai juga dipraktikkan oleh semua peringkat umur termasuklah kanak-kanak. Sepatutnya, pembelajaran al-Qur'an ini haruslah dimulakan sejak dari kecil lagi supaya dapat melahirkan modal insan yang celik al-Qur'an dan sebagai penanda aras bagi mengukur sejauh mana kemajuan bidang pendidikan Islam khususnya di Malaysia. Dalam pada itu, pembelajaran yang kreatif dan efektif mampu menarik minat kanak-kanak untuk mempelajari al-Qur'an dengan lebih pantas. Justeru, terdapat beberapa model yang boleh diaplikasikan dalam pembelajaran al-Qur'an antaranya:

Model Pembelajaran Menurut Ulama

Model al-Ghazali

Model pengajaran dan pembelajaran Imam al-Ghazali adalah model yang dijadikan sandaran dalam bidang Pendidikan khususnya Pendidikan Islam. Model Pembelajaran Imam al-Ghazali ini memberi penekanan kepada kaedah perbandingan iaitu perbincangan dalam membuktikan kebenaran sesuatu ilmu itu, seperti menerangkan perbezaan pendapat di kalangan ilmuan tentang kebaikan dan keburukan akhlak (Ahmad Mohd Salleh 2008). Selain itu, kaedah yang digunakan juga adalah kaedah *halaqah* iaitu pelajar-pelajar mengelilingi *mu'allim* dalam bentuk separa bulatan untuk mendengar syarahannya.

Seterusnya, kaedah bimbingan merupakan kaedah yang digunakan oleh Imam al-Ghazali. Menurut Fathiyyah Hassan (1986) menyatakan bahawa Imam al-Ghazali ialah seorang penyelidik dan sentiasa bereksperimen sebelum memberikan pendapatnya. Sebagai contoh, dalam mengajar anak-anak muridnya berkaitan prinsip agama. Imam al-Ghazali bermula dengan meneladani cara diikuti dengan meyakini dan menguatkan dalil-dalil, membaca ayat-ayat al-Qur'an, dan menerangkan kandungan serta maknanya. Jelas sekali, berdasarkan model pembelajaran Imam al-Ghazali ini maka kaedah-kaedah ini dapat dijadikan asas dalam usaha untuk mendalami ilmu pengetahuan. Sehubungan itu, dalam pengajaran *tilawah* al-Qur'an, guru dapat membandingkan pelbagai *makhraj* huruf semasa mengajar. Dengan demikian, ia dapat membantu pelajar agar dapat menyebut sebutan potongan ayat al-Qur'an dengan menepati hukum tajwid.

Model Ibn al-Khaldun

Perbincangan seterusnya adalah model pembelajaran Ibn al-Khaldun. Model ini lebih memberi tumpuan kepada tiga aspek penting iaitu penyelesaian terhadap sesuatu topik, pemeringkatan isi pelajaran dan objektif pengajaran (al-Na'mi 1994). Menurut model pembelajaran Ibn Khaldun ini, sebelum berpindah ke topik yang baru, guru perlu memastikan bahawa sesuatu topik itu difahami sepenuhnya oleh pelajar. Oleh kerana itu, dalam proses pengajaran al-Qur'an, guru perlu memberikan sepenuh perhatian terhadap pemahaman pelajar berkaitan topik yang diajar agar tidak menimbulkan kecelaruan terhadap pelajar. Selain itu, menurut Kamarul Azmi & Mohd Aderi (2013) menjelaskan model pembelajaran Ibn al-Khaldun ini juga menekankan pengajaran yang mengambil kira penggunaan teknik pengajaran yang menitikberatkan kebolehan pelajar. Demikian itu, cara ini pelajar dapat mengatasi kelemahan dan ketidakmampuan mereka dalam menguasai sesuatu kemahiran ilmu. Oleh itu, dalam pembelajaran al-Qur'an, teknik yang digunakan oleh guru semasa proses pengajaran hendaklah bertepatan dan sesuai dengan tahap kebolehan dan kefahaman pelajar.

Model Pembelajaran Menurut Sarjana Islam

Model Wan Bakar

Menurut model Wan Bakar (1990), pembelajaran al-Qur'an yang berkesan dapat direalisasikan melalui pendekatan pembelajaran dan pengajaran yang tersusun. Guru akan merancang pelbagai pendekatan untuk memastikan setiap pelajar dapat membaca al-Qur'an mengikut hukum tajwid yang betul dan untuk memastikan kelancaran dalam pembacaan al-Qur'an.

Namun begitu, terdapat kepincangan yang berlaku di kalangan kanak-kanak kerana teknik Iqra' yang diaplikasikan di dalam sistem pendidikan Malaysia kurang memberikan kesan positif kepada bacaan al-Qur'an. Hal ini disebabkan, kanak-kanak mungkin mampu mengenali huruf-huruf *hijaiyyah* tetapi dari sudut bacaan al-Qur'an secara bertajwid masih lagi lemah (Haziyah Hussin & Masitah Ismail 2018). Oleh itu, terdapat beberapa pendekatan yang dikemukakan oleh Wan Bakar demi memastikan tahap penguasaan kanak-kanak dalam pembacaan al-Qur'an berada di tahap yang optimum. Antaranya ialah:

1. Teknik sebutan dan tulisan secara berulang-ulang: Teknik ini boleh dilakukan dengan menulis dan menyebut huruf-huruf *hijaiyyah* tunggal dan bersambungan secara berulang kali supaya dapat meningkatkan tahap ingatan kanak-kanak.
2. Teknik mengeja dan membunyikan huruf: Teknik ini juga mampu meningkatkan tahap penguasaan kanak-kanak untuk membezakan cara sebutan huruf sebelum membaca al-Qur'an.
3. Teknik membaca potongan ayat mudah dan ringkas: Teknik ini boleh diaplikasikan dengan memberikan tugas kepada kanak-kanak untuk membaca potongan ayat-ayat ringkas.
4. Pendekatan hafazan: Teknik menghafal boleh diaplikasikan setelah kanak-kanak tersebut mahir membaca potongan ayat-ayat ringkas di dalam al-Qur'an.
5. Teknik memahami maksud ayat ringkas: Teknik ini wajar diaplikasikan setelah kanak-kanak tersebut berjaya menghafal ayat-ayat ringkas al-Qur'an. Hal ini adalah supaya mereka tidak sahaja mahir membaca al-Qur'an malah mampu mengambil iktibar dan pengajaran daripada ayat al-Qur'an yang mulia.

Model As'ad Human

Pembelajaran dan pengajaran al-Qur'an tidak semestinya terikat kepada penggunaan satu kaedah sahaja tetapi sebaiknya menggunakan kepelbagaian kaedah. Teknik pembelajaran al-Qur'an di

peringkat awal adalah berasaskan latihan membaca dan menghafal secara berulang kali. Hal ini adalah supaya pembacaan al-Qur'an tersebut mudah melekat di dalam ingatan pembaca. Setelah proses membaca dan menghafal dikuasai oleh mereka maka teknik menulis pula diperkenalkan kepada kanak-kanak supaya dapat memperkuatkan tahap penguasaan al-Qur'an. Hal ini bertepatan dengan keadaan para sahabat di zaman Rasulullah SAW yang menulis tulisan-tulisan di pelepah tamar, kulit haiwan dan pada tulang belulang setelah menghafalnya. Ia bagi memastikan apa yang dihafal tidak hilang dari ingatan.

Pembelajaran al-Qur'an di peringkat asas ini sesuai diketengahkan kepada kanak-kanak kerana ianya bermula daripada pengenalan huruf *hijaiyyah*, tanda-tanda pada bacaan dan hafalan ayat-ayat ringkas dalam al-Qur'an (Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Aderi Che Noh 2016).

KEPENTINGAN PEMBELAJARAN AL-QUR'AN UNTUK KANAK-KANAK

Pembelajaran merupakan suatu perkara yang amat penting di dalam intisari kehidupan manusia bertujuan meletakkan kehidupan manusia berada di atas garisan yang selari dengan ajaran agama. Semestinya perlu bermula sejak dari awal lagi supaya perkara yang dipelajari dapat diadaptasi dalam perjalanan peningkatan usia. Seperti mana yang diketahui oleh seluruh umat Islam, membaca al-Qur'an merupakan salah satu ibadah yang boleh dilakukan dan ganjaran pahala diberikan kepada pembacanya. Oleh itu, pentingnya pembelajaran al-Qur'an kepada kanak-kanak bagi memupuk mereka untuk berusaha mencari dan mengaut ganjaran pahala disamping dapat mengetahui kaedah pembacaan al-Qur'an yang tepat pada usia muda. Mohd Ali (1991) juga menjelaskan bahawa membaca al-Qur'an itu adalah ibadah yang diberi pahala oleh Allah SWT dengan sebutan yang betul serta mengikut kaedah bacaan dan hukum tajwid yang betul. Tuntas, pembelajaran al-Qur'an perlu diterap seawal usia bagi membiasakan sebutan yang betul dalam pembacaan. Matlamat terpenting pendidikan al-Qur'an ialah mendidik manusia menjadi seorang hamba yang memahami dan jelas berkenaan hal agama serta berada betul di atas garisannya (Abdul Mukti 2018).

Pembelajaran al-Qur'an dapat menjadi penawar dan juga terapi kepada pembacanya khususnya untuk kesihatan. Alunan bacaan al-Qur'an mampu memberikan ketenangan kepada kanak-kanak dan dapat mengurangkan tekanan emosi malah dapat menerapkan nilai-nilai teladan serta pengajaran yang baik kepada mereka. Mohd Amzari (2013) menjelaskan bahawa terapi bunyi seperti muzik dapat menanggani pelbagai masalah kesihatan dan mental dan terapi al-Qur'an juga memberi kesan positif terhadap hubungan pertuturan, pembelajaran dan interpersonal. Selaras dengan kurikulum pembelajaran yang lain, pembelajaran al-Qur'an juga dapat memupuk nilai-nilai murni serta melahirkan modal insan yang berteraskan ajaran agama. Hal ini demikian, terdapat kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kesilapan mendidik anak-anak pada peringkat awal akan menyebabkan berlakunya kecelaruan nilai dan kerosakan akhlak pada peringkat seterusnya (Salmiah Che Mud 2018).

Seterusnya, pembelajaran al-Qur'an kepada kanak-kanak merupakan sesuatu yang amat penting dan perlu diambil perhatian oleh seluruh masyarakat khususnya ibu bapa. Proses pembelajaran dan penerapan al-Qur'an kepada kanak-kanak harus dipupuk oleh ibu bapa sejak dari kecil lagi. Selain itu, Zetty Nurzuliana (2016) menyatakan masyarakat pada masa kini mulai sedar terhadap kepentingan al-Qur'an dan mengetengahkan nilai agama dan juga kepentingan pembelajaran al-Qur'an malah ibu bapa mula berminat untuk menghantar anakanak ke sekolah ataupun institusi yang mempunyai latar belakang pendidikan al-Qur'an sejak daripada tadika

sehingga ke peringkat tinggi. Secara umumnya, pembelajaran al-Qur'an merupakan sesuatu yang penting dan sewajarnya dipelajari sejak dari kecil lagi. Menurut Hafiz Badrulzaman (2017) menegaskan bahawa al-Qur'an ini wajib dipelajari sejak dari kecil. Menurutnya lagi, di dalam kitab *al-Mugaddimah* karangan Ibnu al-Khaldun menyatakan pendidikan dan pengajian al-Qur'an kepada anak-anak merupakan bentuk syi'ar agama yang harus dilakukan oleh mana-mana ibu bapa.

Hal ini demikian juga dapat menjadikan kanak-kanak seorang yang mahir dan bersemangat untuk mendalamai ilmu al-Qur'an sama ada dari sudut pembacaan mahupun hafalan. Safinah Isma'il (2019) menjelaskan pembelajaran al-Qur'an melalui hafalan mampu menjadi penanda aras untuk melahirkan generasi huffaz yang alim dan professional sekaligus mencapai objektif pendidikan al-Qur'an. Di samping itu, pembelajaran al-Qur'an mampu meningkatkan semangat dan motivasi kepada kanak-kanak untuk lebih menceburi bidang al-Qur'an. Tambahan lagi, pembelajaran al-Qur'an dapat memberikan galakan serta impak positif kepada kanak-kanak sekaligus memartabatkan sistem pendidikan al-Qur'an. Hal ini disokong oleh Mohd Zulkarnain (2021) yang menjelaskan bahawa pembelajaran al-Qur'an bagi kanak-kanak di dalam pendidikan sangat memberi motivasi serta ransangan yang baik dan secara tidak langsung dapat memberi semangat mahupun galakan kepada mereka. Menurutnya lagi, perkara ini perlu diperkembangkan di setiap institusi dan juga sistem pendidikan di Malaysia untuk dilaksanakan secara umumnya di Malaysia.

Kemudian, kanak-kanak akan mula diperkenalkan dengan kalimah-kalimah bahasa Arab di awal usia dengan mempelajari al-Qur'an. Selain itu, kemahiran di dalam ilmu bahasa Arab dapat dikuasai oleh kanak-kanak dari peringkat ke peringkat secara tidak langsung. Hal ini disebabkan, mereka di dedahkan dengan huruf-huruf *hijaiyyah* yang terkandung di dalam al-Qur'an. Oleh itu, tidak mustahil, kanak-kanak dapat menguasai bidang al-Qur'an pada usia awal malah ilmu al-Qur'an mereka akan lebih berkembang pada masa akan datang. Menurut Johaibi Juhani & Zainab Ismail (2016), kanak-kanak perlu didedahkan dengan bahasa Arab melalui kaedah mempelajari al-Qur'an semenjak dari peringkat kecil agar tidak ketinggalan mengenali serta menguasai huruf-huruf al-Qur'an. Seterusnya, pembelajaran al-Qur'an adalah suatu ilmu yang memerlukan kepada pemerhatian penuh dan konsentrasi. Hal ini kerana al-Qur'an mempunyai hukum-hukum tajwid yang perlu dikuasai untuk menghasilkan pembacaan al-Qur'an yang baik seperti *makhraj* huruf, sifat-sifat huruf dan sebagainya. Oleh itu, kanak-kanak dapat menambahkan lagi perhatian, fokus dan juga konsentrasi di dalam diri malah mereka akan sentiasa berwaspada khususnya ketika pembacaan al-Qur'an. Eko Setiawan (2018) bersepakat bahawa pembelajaran al-Qur'an memberikan kontribusi terhadap pembacaan awal al-Qur'an untuk anak-anak. Menurutnya lagi, konsentrasi terbentuk dari kuatnya tumpuan perhatian dan dapat meningkatkan tumbesaran rangsangan mereka.

KESAN PEMBELAJARAN AL-QUR'AN UNTUK KANAK-KANAK

Kepentingan mempelajari serta mengajarkan al-Qur'an sememangnya tidak dapat dipertikaikan lagi kerana ia adalah merupakan suatu ibadah yang diberi pahala oleh Allah SWT dengan sebutan yang betul serta mengikut kaedah dan hukum tajwid yang benar bagi siapa yang membacanya. Kaedah pembelajaran al-Qur'an yang efisen dan tersusun sangat memberi kesan yang positif kepada kanak-kanak. Matlamat terpenting pendidikan al-Qur'an ialah mendidik manusia supaya mengabdikan diri kepada Allah SWT di dalam hal ini, apabila kanak-kanak terdedah kepada pembelajaran al-Qur'an dengan lebih awal, sikap cinta untuk sentiasa mengabdikan diri kepada Allah SWT akan dapat dipupuk di dalam diri mereka. Malahan, bagi seorang Muslim mewariskan al-Qur'an kepada generasi selanjutnya merupakan tugas dan tanggungjawab.

Menurut Wahbah al-Zuhaili (2005), pendidikan al-Qur'an mengandungi kesan kepada setiap kehidupan kini dan kehidupan akan datang secara serentak. Antara kesan kaedah pembelajaran al-Qur'an kepada kanak-kanak ialah dapat membantu mereka bagi menguasai bacaan al-Qur'an dengan pendekatan yang mudah, inovatif, sistematik dalam tempoh yang singkat dan mampu mengajar orang lain di usia muda seiring dengan kepesatan perkembangan pendidikan. Sekiranya kaedah pembelajaran tidak diambil kira sebagai elemen penting, maka mereka pasti tercicir, lambat dan ketinggalan sepanjang proses pembelajaran. Panduan guru sebelum mengaplikasi sesuatu kaedah pembelajaran, antaranya ialah kaedah tersebut mesti bersesuaian dengan tujuan, matlamat subjek diajar, sesuai dengan tabiat (*nature*) yang diajar, serta sepadan dan setara dengan umur sasaran bagi mendapat keberhasilan yang terbaik (Syarifah Nor Shah 2018).

Disamping itu juga, implikasinya bukan sahaja dapat mengurangkan kadar buta al-Qur'an tetapi lebih berfokus dapat mengatasi masalah buta tajwid. Penglibatan guru al-Qur'an dalam membangunkan kelas-kelas pembelajaran al-Qur'an telah mencungkil masalah ramai umat Islam boleh membaca al-Qur'an tetapi dikategorikan sebagai lemah dalam ilmu tajwid (Siti Murshidah 2018). Pembacaan dan penguasaan al-Qur'an secara bertajwid juga adalah signifikan, terutamanya dalam memastikan kemenjadian kaedah pembelajaran al-Qur'an khususnya golongan kanak-kanak yang perlu dibiasakan sejak dari seawal mereka mengenal huruf *hijaiyah*. Proses membaca al-Qur'an mestilah seiring dengan penguasaan tajwid (Mohd Zamri 2009). Amat sukar untuk membetulkan kesalahan murid ketika membaca al-Qur'an sekiranya semasa mereka belajar tidak ditekankan penguasaan tajwid tersebut. Contohnya, menguasai cara memasukkan huruf berbaris kepada huruf mati atau huruf sabdu, serta menguji dan membezakan panjang pendek bacaan. Justeru, amatlah penting bagi muslim itu dididik bermula daripada usia muda dalam mempelajari ilmu al-Qur'an kerana hal ini dapat mengelakkan dari berlakunya kesilapan serta kelalaian ketika membaca al-Qur'an.

ISU SEMASA BERKAITAN PEMBELAJARAN AL-QUR'AN UNTUK KANAK-KANAK

Menurut Fauzian dan Fauziah (2015), pembelajaran ataupun pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia ini merujuk kepada mereka yang berumur semenjak mereka dilahirkan sehingga lapan tahun. Begitu juga dengan pembelajaran semasa di taman asuhan, tadika, prasekolah ataupun sekolah rendah. Oleh yang demikian, pembelajaran al-Qur'an amatlah penting demi memastikan minat dan juga ilmu al-Qur'an itu telah dipupuk pada awal usia. Ibnu al-Khaldun dalam kitabnya *alMuqaddimah* ada mengatakan bahawa didikan dan pembelajaran al-Qur'an ini kepada kanak-kanak merupakan salah satu syi'ar agama yang perlu dilakukan oleh ibu bapa (Mohd Zulkarnain & Mohd Isa 2021). Menurut Hamidin & Hamdi (2016) kanak-kanak berumur antara empat hingga enam tahun yang telah memulakan pembelajaran bahasa berkemungkinan besar mempunyai tahap pembelajaran yang tinggi bukan sahaja dalam bahasa Arab tetapi juga dalam ilmu yang lain (Johaibi Juhan & Zainab Ismail 2016).

Walau bagaimanapun terdapat beberapa isu yang timbul mengenai kaedah pembelajaran kanak-kanak ini pada era pandemik COVID-19 ini. Hal ini kerana sistem pendidikan di kala pandemik ini perlu dilakukan secara norma baharu dalam dunia pendidikan. Terdapat beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan seperti aktiviti pembelajaran secara digital. Justeru tidak semua ilmu yang disampaikan melalui pembelajaran atas talian ini berkesan sepenuhnya (Yassin 2020).

Pembelajaran atas talian ini mempunyai pelbagai risiko tertentu. Sesetengah pelajar ataupun kanak-kanak ini tidak mempunyai gajet peribadi mahupun telefon pintar, ada yang tidak mempunyai data internet yang mencukupi, dan ada yang tidak mempunyai akses terus ke internet. Terdapat keraguan tentang platform yang sesuai untuk pembelajaran dalam talian untuk guru, dan kebanyakan guru menggunakan kaedah percubaan dan ralat. Iaitu, menggunakan mana-mana platform untuk menyemak kesesuaianya (Rosli 2020).

Oleh itu, menurut Fatimah Suhaily (2022) di dalam akhbar berita harian online memberikan pendapat pemantauan daripada ibu bapa itu juga mampu membantu dalam penguasaan anak-anak supaya ilmu pembelajaran al-Qur'an dapat diteruskan dan dipraktikkan dari masa ke semasa (Nasbah 2022).

Selain itu juga penggunaan peranti telefon pintar turut menjadi cabaran bagi kanak-kanak dalam meneruskan pembelajaran al-Qur'an. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) merekodkan 78.3 peratus ibu bapa di Lembah Klang sahaja membenarkan anak-anak memiliki gajet pada 2019. Hal ini lebih membimbangkan apabila negara berhadapan dengan pandemik COVID-19, penggunaan dan akses digital ini digunakan secara maksimum terutamanya melibatkan kanak-kanak (Ismail 2021).

Menurut Mohd Shawani, beliau berpandangan dalam mengawal penggunaan peranti dalam kalangan kanak-kanak, ibu bapa perlu memainkan peranan yang sangat penting. Jika sebuah keluarga itu sentiasa bersama peranti, kanak-kanak juga akan menurut tingkah laku ini. Ibu bapa bukan sahaja perlu melihat kembali aspek pengurusan masa dan kesan kepada kanak-kanak terhadap penggunaan peranti pintar, tetapi perlu menilai semula tingkah laku ibu bapa itu sendiri terhadap anak-anaknya (Ismail 2021).

Di samping itu, untuk mengatasi permasalahan penggunaan telefon pintar ini ibu bapa boleh memberikan pendedahan awal mengenai aplikasi-aplikasi yang mendekatkan kepada ilmu al-Qur'an. Dengan menggunakan aplikasi berbentuk permainan pendidikan merupakan salah satu alat bantu mengajar, kanak-kanak prasekolah akan lebih terdorong untuk belajar dan mereka akan lebih rasa selesa serta seronok tanpa mengalami sebarang tekanan sepanjang proses pembelajaran (Jusoh 2013).

KESIMPULAN

Seringkali kita mendengar ungkapan kanak-kanak diibaratkan sebagai kain putih yang bersih dan suci daripada sebarang kekotoran atau kerosakan. Mereka masih dalam peringkat usia untuk belajar dan memahami perihal kehidupan sebelum menempuh alam dewasa. Kerana itu, apa sahaja yang diajarkan oleh ibu bapa mereka khususnya dan individu lain amnya akan menjadi satu faktor dalam pembentukan jati diri mereka kelak. Dalam sebuah nas hadith yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi dan at-Tabrani di dalam *Mu'jam al-Kabir*, Imam Muslim RH meriwayatkan:

كُلُّ إِنْسَانٍ تُلَدُّهُ أُمَّةٌ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبْوَاهُ يُهَوِّدُهُ أَوْ يُنَصِّرُهُ أَوْ يُجَسِّدُهُ

Maksudnya: "Setiap manusia dilahirkan oleh ibunya di atas fitrah. Kedua orang tuanya yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi"

(Muslim, *Šahih Muslim*, no 2658.)

Hadith di atas menjelaskan kepada kita bahawa manusia difitrahkan memiliki sifat yang dibawa sejak lahir dengan agama Islam. Akan tetapi ia memerlukan didikan agama Islam dengan perbuatan dan juga tindakan. Selain itu, keterangan hadith tersebut juga menjelaskan tentang pengaruh yang dilakukan oleh kedua orang tua terhadap anaknya yang mana ia akan mempengaruhi si anak itu sama ada beragama Yahudi, Nasrani atau Majusi.

Kepelbagaiannya kaedah yang diterapkan dalam pengajaran al-Qur'an kepada kanak-kanak adalah suatu usaha jihad kepada warga pendidik generasi al-Qur'an agar budaya pengajaran al-Qur'an terus subur dan berkembang dengan baik. Dalam *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*, Juzuk 13. No. 11 menyebutkan:

"Ayah dan ibu serta seorang wali daripada kanak-kanak hendaklah mengajarkan sejak kecil perkara yang diperlukan seorang kanak-kanak ketika ia mencapai umur baligh kelak. Hendaklah seorang kanak-kanak itu diajarkan tentang ilmu akidah yang benar mengenai keimanan kepada Allah, para malaikat, al-Qur'an, para Rasul dan hari akhirat. Begitu juga seorang kanak-kanak itu diajarkan tentang ibadah yang benar dan mengetahui perkara yang berkaitan dengan solat, puasa, taharah (bersuci) dan yang semisal denganannya"

Dalam setiap usaha yang dilakukan dalam mendidik kanak-kanak dengan al-Qur'an melalui pelbagai kaedah, teknik, gaya, modul dan metod yang baik, seharusnya aspek persediaan guru juga turut tidak diabaikan. Seorang guru seharusnya memiliki niat yang ikhlas kerana Allah SWT, serta mempunyai ilmu yang mencukupi agar proses pendidikan kanak-kanak menjadi lebih mapan. Setiap kaedah dan modul pendidikan yang mantap seharusnya disertai dengan seorang pendidik yang baik. Menurut Hanifah binti Sazali (2010) pendidikan awal kanak-kanak bukan hanya bergantung kepada kurikulum yang telah ditetapkan oleh pihak atasan dalam sebuah pusat pendidikan, tetapi banyak bergantung kepada keberkesanannya seorang guru mendidik kanak-kanak. Kurikulum yang baik dan berteraskan al-Qur'an tidak menjamin penyampaian pengajaran yang berdasarkan al-Qur'an seandainya guru gagal menyediakan diri mereka dengan ilmu dan cara hidup yang berteraskan al-Qur'an.

Mudah mudahan dengan gabungan kaedah, teknik, modul serta sikap dan persediaan guru itu sendiri akan menjadikan dua golongan iaitu pendidik dan pelajar al-Qur'an khususnya kanak-kanak akan tergolong di dalam golongan yang Nabi Muhammad SAW sabdakan:

خبركم من تعلم القرآن وعلمه

Maksudnya: *Sebaik-baik di kalangan kamu ialah orang yang mempelajari al-Qur'an dan mengajarkannya.*

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

Abdul Mukti bin Baharuddin (2018), *Penghayatan Al-Qur'an dan Pendidikan Awal Kanak Kanak*. Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

Al-Buti, Said Ramadhan. 1991. *Fiqh Sirah Nabawiyah*. Beirut: Darul Fikri.

Al-Kaylani, Taisir dan Iyad, Mulhim. 1986. *Al-Taujih al-Fannī fī Usul al-Tarbiyah wa Tadrīs*. Beirut: Maktabah Lubnan.

Al-Nashmy, Ajil Jasim. 1980. *Ma'alim fi Tarbiyah*. Kuweit: Maktabah al-Manar.

Al-Nawawi. 1995. *Riyad al-Solihin*. (Tahkik oleh Ali Abd Al-Hamid Boltah Ji). Lahore Pakistan: Kutub Khanah Faidha

- | Anon. | T.th. | Kamus | Dewan | Bahasa | Dan | Pustaka. |
|---|-------|-------|-------|--------|-----|--|
| | | | | | | https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kaedah . [5 April 2021] |
| Bukhari, Al-Imam Abu Ibnu 'Abdullah Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim Ibnu al-Mughirah bin Bardazbah al-Bukhari al-Jaf'ari. 1994. <i>Sahih al-Bukhari</i> . Dar al-Fikr: Bairut. Juzuk 1-5. | | | | | | |
| Eko Setawan. 2018. Meningkatkan Kemampuan Membaca Awal Al-Qur'an Melalui Metode Albana Pada Anak Usia 5-6 Tahun, <i>Journal of Education</i> , Vol. 1, Oktober 2018. Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati Bandung. | | | | | | |
| Engkizar Siq. SPd.i. 2011. <i>Konsep Pengajaran Dan Pembelajaran Membaca Al-Qur'an Dalam Pendidikan Islam</i> . Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. | | | | | | |
| Hafiz Badarulzaman. 2017. <i>Al-Qur'an Mukjizat Agung Tiada Tandingan</i> , Dimuat turun daripada Https://Www.Bharian.Com.My/Taxonomy/Term/61/2017/06/294187/AlQur'an-Mukjizat-Agung-Tiada-Tandingan [23 April 2017] | | | | | | |
| Hakim, R. 2014. <i>Pembentukan Karektar Peserta Didik Melalui Pendidikan Berbasis Al Quran</i> . JPK. | | | | | | |
| Icam Sutisna. 2020. <i>Perkembangan Otak Anak Usia Dini</i> . Kota Gorontalo: Universitas Negeri Gorontalo Press. | | | | | | |
| Ismail, M. R. 2021. <i>Kanak-kanak dan gajet</i> . Diambil daripada Harian Metro Online: https://www.hmetro.com.my/WM/2021/04/690851/kanak-kanak-dan-gajet [3 April 2021] | | | | | | |
| Jasmi, K. A. 2013. <i>Membangun Kemahiran Al Quran dan Jawi Kepada Anak-Anak</i> . | | | | | | |
| Johaibi Juhan, Zainab Ismail. 2016. <i>Pendekatan Al-Targhib Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Hafazan Al-Qur'an Kanak-Kanak</i> . Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI) 2016, 233-248. | | | | | | |
| Jusoh, Y. M. 2013. <i>Pembangunan Aplikasi Cepat Membaca Al-Qur'an Untuk Platform Android</i> (Mai IQra). Kuala Lumpur: Fakulti Komputeran, Universiti Teknologi Malaysia. | | | | | | |
| Kamarul 'Azmi Jasmi, Mohd Aderi & Che Noh. <i>Sejarah, Kaedah, Serta Model Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Qur'an (History, Method, And Models of Teaching and Learning of the Quran)</i> . Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my, Universiti Kebangsaan Malaysia. | | | | | | |
| Kamarul 'Azmi Jasmi, Mohd Aderi Che Noh. 2013. <i>Sejarah, Kaedah, Serta Model Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Qur'an</i> . In: Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Qur'an SRA JAWI. Kuala Lumpur. | | | | | | |
| Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam. 1988. <i>al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah</i> . Kuwait | | | | | | |
| Mohd Ali Harun. 1991. <i>Kepentingan Pendidikan Awal Kanak-Kanak</i> . Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia. | | | | | | |
| Mohd Amzari Tumiran, Siti Patonah Mohamad, Rohaida Mohd Saat, Mohd Ya'akub Zulkifli Mohd Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman & Durriyyah Sharifah Hasan Adli. 2013. <i>Addressing Sleep Disorder of Autistic Children with Qur'anic Sound Therapy</i> . Health. Vol. 5, No. 8A2. 73-79. | | | | | | |
| Mohd Yusuf Ahmad. 2000. <i>Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Qur'an</i> . Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya. | | | | | | |
| Mohd Zulkarnain 'Abd Hamid & Mohd Isa Hamzah. 2021. Kaedah Pujian Dan Penghargaan Dalam Pembelajaran Al-Qur'an Bagi Kanak-Kanak Pra Sekolah. <i>Qalam International Journal of Islamic and Humanities Research</i> , Volume 1, Issue 2, 2021, 110. | | | | | | |
| Muhd Mukri Abdullah. 1994. <i>Kaedah Iqra' dalam Asuhan Tilawah al-Qur'an</i> . Kertas Kerja Seminar Nasyid Peringkat Kebangsaan Kali ke 2. Kuala Lumpur. | | | | | | |
| Rohizani Ya'akub, Shahabudin Hashim dan Mohd Zohir Ahmad. 2005. <i>Pedagogi: Strategi dan Teknik mengajar dengan Berkesan</i> . Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd. | | | | | | |
| Muslim, <i>Sahih Muslim</i> . | | | | | | |

- Nasbah, N. N. 2022. *Kelas al-Qur'an dalam talian tingkatkan kemahiran*. Diambil daripada Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2022/02/923578/kelas-al-Qur'an-dalam-talian-tingkatkan-kemahiran> (17 Februari 2022)
- Noor Azlinda Abdullah. 2012. *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Sek Rendah*. Diambil daripada website <http://naa87.blogspot.com/2012/06/5-kaedahpengajaran-dan-pembelajaran.html>. (5 April 2021)
- Nurul Huda Zainal 'Abidin, Najmiah Omar & Nor Hafizi Yusuf. 2019. Konsep dan Pelaksanaan Kaedah Talaqqi dan Musyafahah Dalam Pembelajaran Al-Qur'an. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, 3(1).
- Rosli., R. (2020, Ogos 11). *Pembelajaran Norma Baharu Tingkat Profesjon Guru Berita Harian Online*. Diambil daripada Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/08/719958/pembelajarannorma-baharu-ingkat-profesjon-guru>
- Safinah Ismail (2019), Kaedah Komunikasi Non Verbal Dalam Hafalan Al-Qur'an Di Pra Sekolah, *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, Vol. 2, October 2019. Universiti Teknologi MARA.
- Salmihah Che Mud, Fariza Md Shah, Manisah Mohd Ali, Zuliza Mohd Kasim. 2018. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia UKM.
- Sharifah Norshah, Nor Salimah dan Zulkifli A. Manaf. 2011. Pelaksanaan Manhaj Rasulullah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kelas al-Qur'an Bagi Golongan Dewasa. *Terengganu: Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, Keluaran Khas*. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Siti Murshidah. 2018. *Kelebihan Pengajaran Dan Pembelajaran Alquran Secara Bertajwid Menggunakan Kaedah Almatien*. Proceeding of The International Conference On Contemporary Issues in Al-Qur'an and Hadith, 7th March 2018. ILIM, Bangi: Selangor.
- Syahrul Riza. 2008. *Konsep Pendidikan Islam Menurut Pemikiran Ibn Khaldun: Suatu Kajian Terhadap Elemen-Elemen Kemasyarakatan Islam*. Tesis Sarjana. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Syarifah Nor Shah. 2018. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran al-Qur'an: Kajian di Masjid UniSZA (Teaching and Learning Method of al-Qur'an: A Study in UniSZA's Mosque)*. Pusat Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Wahbah Zuhaili. 2005. *Munir fi al-aqidah wa al-shari'ah wa al-manhaj* (ctk5) Damascus: Dar al-fikr.
- Yassin., Z. R. 2020. *Menangani Cabaran Norma Baharu Pembelajaran Dan Pengajaran Era COVID-19. Ulasan Pakar UTM mengenai Isu Semasa COVID-19*. Retrieved from <https://news.utm.my/ms/2020/05/menangani-cabaran-norma-baharu-pembelajaran-dan-pengajaran-era-Covid-19/> [30 Oktober 2020]
- Zamri Mohd. Zainuldin. 2009. *Mantap Mengaji Kaedah al-Matin*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Zetty Nurzuliana Rashed (2016), *Amalan Pengintegrasian Ilmu Sains dan Al-Qur'an dalam Pengajaran Pendidikan Islam di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor*, Tesis PhD, Fakulti Pendidikan UKM.